

Tanam pokok rendang sekitar sawah

Kosmo 13/5/07 M/S 11

LANGKAH menanam pepohon rendang di sekitar kawasan sawah padi di negara ini dilihat sebagai penyelesaian terbaik untuk mengawal peningkatan kandungan metana yang memanaskan suhu tempatan.

Disebabkan proses penghasilan gas metana berpunca daripada tanah

FOKUS

liat yang terkena pancaran matahari ketika kekurangan oksigen, langkah menanam tumbuhan hijau di bendang adalah satu tindakan yang wajar.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Sekitar Malaysia, Datuk Dr. Salleh Mohd. Nor berkata, langkah itu amat perlu dan sangat relevan kerana kita tidak boleh mengharamkan penanaman padi selaku sumber makanan ruji masyarakat Malaysia.

“Untuk menyelesaikan isu ini, langkah menanam pokok di sekitar sawah dilihat sesuai untuk memperlahankan proses pengeluaran gas metana yang terhasil daripada tanah liat akibat kekurangan oksigen,” ujarnya.

Justeru, beliau menyarankan pihak berkaitan termasuk agensi kerajaan supaya segera mengambil langkah memperbanyakkan penanaman tumbuhan rendang di sekitar sawah yang dilihat kini sebagai landskap tandus.

“Ia wajar dibuat secara besar-besaran agar dapat mengembalikan keseimbangan gas di dalam udara secepat mungkin dan kelewatan berbuat demikian akan menyebabkan suhu semakin meningkat dan habanya akan semakin bertambah,” ujarnya.

Beliau turut mengakui kegiatan penanaman padi yang mengabaikan kitaran gas sekeliling berpotensi sebagai penyumbang peningkatan suhu dalam diam.

Namun, ia tidak menjadi penyumbang utama seperti yang diketengahkan dalam



PROSES pengeluaran gas metana di kawasan sawah padi dapat dikurangkan dengan menanam lebih banyak pokok berhampirannya.

kajian di Jerman, baru-baru ini.

“Gas metana daripada sawah memang memanaskan suhu bumi, tetapi ia hanya sebahagian kecil daripada penyebab peningkatan suhu walhal banyak faktor lain yang menyebabkan bumi kian panas.

“Penanaman padi cuma penyumbang kecil dan ia tidak seperti dirumuskan sedemikian serius dalam kajian Dr. Frank Keppler, tetapi langkah menanam pokok di sekitar sawah juga tidak boleh diambil ringan kerana ia membantu mengimbangi kandungan udara,” tegasnya.

Gas metana daripada sawah memang memanaskan suhu bumi, tetapi ia hanya sebahagian kecil daripada penyebab peningkatan suhu walhal banyak faktor lain yang menyebabkan bumi kian panas